



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL INTERVENSI MENENGAH ATAS
2026**

SET 1

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 Markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menepati tema / menjawab tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Tema / Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas.

		<u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian kurang jelas.

		<u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[70 markah]**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.

		- Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan masih sesuai. - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih / kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas. - Contoh kurang sesuai.

		<u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan Minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>Tugas</u> • Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk. • Huraian tidak jelas / tidak berkembang. • Contoh yang tidak sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	• Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.

		• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
--	--	---

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() - kesalahan isi

_____ - kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ - kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// - kesalahan ejaan yang berulang

○ - kesalahan tanda baca

SOALAN BAHAGIAN A (30 Markah)

1. Format penulisan komen:

- T** - menepati tugas
- I** - relevan, huraian jelas
- B** - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P** - sangat menarik dan berkesan

Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid.

*Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah rencana tentang **gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid**.*

*Panjangnya rencana anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

2. Kehendak / tugas soal:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **punca / faktor / sebab berlakunya gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid** dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
 - ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:
 - leka bermain permainan video di kafe siber
 - pengaruh rakan sebaya
 - iii. Calon perlu menyentuh **semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 - iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **punca / faktor / sebab berlakunya gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid** - diterima dan disemak seperti biasa.
 - v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vi. Tiada format rencana (tajuk) – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vii. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTMPM)**

SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)

1. Format penulisan komen :

T – menjawab tugas

I – relevan, huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P – menarik dan berkesan

Soalan 1

Peningkatan gejala buli yang melibatkan kes serangan fizikal dan cacian merupakan penyakit sosial yang semakin membarah dalam pelbagai lapisan masyarakat, sama ada di institusi pendidikan, di tempat kerja atau di ruang maya. Keadaan tersebut memberikan kesan mendalam terhadap mangsa, termasuklah menyebabkan kemurungan.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, September 2025

Huraikan kesan yang dinyatakan dalam petikan berserta kesan-kesan lain terhadap mangsa akibat gejala tersebut.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan **kesan gejala buli** yang terdapat dalam petikan dan **kesan-kesan gejala buli** yang tidak terdapat dalam petikan iaitu:
 - mangsa akan mengalami kemurungan
 - terima sekurang-kurangnya 2 idea luar yang relevan

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan 1 idea lain berkaitan **kesan-kesan gejala buli** – maksimum **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum **BAIK**.
3. Calon tidak menghuraikan idea dalam petikan tetapi menghuraikan semua idea luar berkaitan **kesan-kesan gejala buli** – maksimum **KEPUJIAN**.

Soalan 2

Mutakhir, sikap masyarakat yang kurang melibatkan diri dalam program patriotik menyebabkan sambutan Bulan Kebangsaan kelihatan semakin hambar walhal sambutan ini mendatangkan pelbagai kebaikan. Antara kebaikannya ialah sambutan ini mampu menunjukkan rasa bangga akan negara, memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk dan mengenang pengorbanan nenek moyang.

Sumber: *Dewan Masyarakat*, 31 Ogos 2024

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kebaikan-kebaikan sambutan tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan **kebaikan sambutan Bulan Kebangsaan** yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - menunjukkan rasa bangga akan negara
 - memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk
 - mengenang pengorbanan nenek moyang.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea daripada luar petikan – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian daripada idea dalam petikan dan idea daripada luar petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan semua idea daripada luar petikan – maksimum **BAIK**.

Soalan 3

Menurut statistik yang terkini, kadar pengangguran graduan pada tahun lalu adalah sebanyak 4.6 peratus dan meningkat kepada 5.2 peratus. Isu pengangguran graduan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti ilmu dan kemahiran yang dipelajari kurang sesuai dengan kehendak pekerjaan, sikap memilih pekerjaan serta kecenderungan majikan yang lebih mengutamakan pekerja berpengalaman.

Sumber: *Sinar Bestari*, 19 Disember 2025.

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor tersebut.

Kehendak/ tugas soal

1. Calon dikehendaki menghuraikan **faktor-faktor berlakunya pengangguran dalam kalangan graduan** yang terdapat dalam petikan iaitu:
 - ilmu dan kemahiran yang dipelajari kurang sesuai dengan kehendak pekerjaan.
 - sikap memilih pekerjaan.
 - kecenderungan majikan yang lebih mengutamakan pekerja berpengalaman.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea daripada luar petikan – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian daripada idea dalam petikan dan idea daripada luar petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan semua idea daripada luar petikan – maksimum **BAIK**

Soalan 4

PUTRAJAYA: Sebanyak 123,133 kes demam denggi dilaporkan pada tahun 2023 berbanding dengan 66,102 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 86.3 peratus. Peningkatan kes ini sememangnya berbahaya dan mengancam nyawa masyarakat. Namun begitu, wabak demam denggi mampu diatasi sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing.

Sumber: *Astro Awani*, 15 Januari 2024

Huraikan peranan-peranan tersebut.

Kehendak / tugas soaln

1. Calon dikehendaki menghuraikan **peranan pelbagai pihak untuk mengatasi wabak demam denggi** yang tidak terdapat dalam petikan.

- terima mana-mana idea yang relevan.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan usaha pelbagai pihak tetapi aspek yang sama – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan usaha satu pihak sahaja tetapi pelbagai usaha – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon tidak menyatakan usaha mana-mana pihak / secara umum – maksimum peringkat **BAIK**.
4. Calon menghuraikan usaha satu pihak dengan satu usaha sahaja – maksimum peringkat **BAIK**.
5. Calon hanya menghuraian usaha pelbagai pihak tentang wabak umum (tidak menyebut langsung wabak denggi) – maksimum **KEPUJIAN**.

- Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- Bahagian B
 - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Kata majmuk
3. Alamat
4. Tarikh
5. Nama Khas
6. Peribahasa
7. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
8. Penanda wacana
9. Tajuk (rencana / surat)
10. Kata Sendi ‘di..... (rumah)’ dan ‘ke..... (sana)’
11. Angka

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL INTERVENSI MENENGAH ATAS**

2026

SET 1

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas modul ini mengandungi 17 halaman bercetak

MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** dibahagikan kepada

Soalan 1 :	8 markah
Soalan 2 :	6 markah
Soalan 3 :	10 markah
Soalan 4 :	5 markah
Soalan 5 :	6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja tunggal yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja tunggal tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja tunggal telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata kerja tunggal salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata kerja tunggal yang ditambah imbuhan berikan 0 markah.
8. Kata kerja tunggal digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata kerja tunggal

- (i) **duduk**
 - meletakkan badan di atas kerusi, lantai / tinggal, menetap, atau bermastautin / berada dalam sesuatu keadaan atau situasi / mengambil peperiksaan atau ujian.
- (ii) **isi**
 - memasukkan sesuatu yang termuat dalam sesuatu benda atau kandungan.
- (iii) **ambil**
 - perbuatan fizikal menggunakan tangan atau alat untuk memindahkan sesuatu objek / menerima atau memperoleh / menggunakan, memakan, atau meminum / menganggap atau mendapati.

(iv) **mati**

- menggambarkan sesuatu yang tidak lagi berfungsi, bergerak, atau bernyawa / terhentinya semua fungsi otak secara kekal, termasuk batang otak.

(v) **asah**

- perbuatan mengesek atau menggosok senjata atau alat berbilah / menggosok sesuatu permukaan supaya menjadi licin atau berkilat / melatih atau meningkatkan kebolehan.

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Markah

Gabungkan ayat-ayat tunggal tersebut menjadi tiga ayat majmuk.

- 1 Nasi kerabu ialah satu hidangan tradisional **yang** cukup sinonim dengan masyarakat Pantai Timur Semenanjung Malaysia, khususnya di Negeri Kelantan. 2
- 2 Warna biru pada nasi sangat unik **kerana** terhasil daripada kelopak bunga telang **atau** nama saintifiknya ialah Clitoria Ternatea. 2
- 3 Nasi ini **bukan sahaja** terkenal sebagai warisan gastronomi negara, **malahan** / **malah** / **bahkan** turut memberikan pelbagai khasiat kepada kesihatan manusia. 2

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | |
|------------------------|--|
| (i) tentang | - kepada (tatabahasa) |
| (ii) alternatif | - alternatif (ejaan) |
| (iii) kerajaan umumkan | - diumumkan oleh kerajaan (tatabahasa) |
| (iv) peruntukkan | - peruntukan (imbuhan) |
| (v) kokurikulum | - kurikulum (istilah) |
| (vi) pemasaran | - pasaran (imbuhan) |

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

- | | | |
|-------|------------------------|------------------------------|
| (i) | 1. bertanya tentang | - bertanya (tatabahasa) |
| (ii) | 2. Bagaimanakah | - Apakah (tatabahasa) |
| (iii) | 3. semua orang pelajar | - semua pelajar (tatabahasa) |
| (iv) | 4. kritik | - kritis (istilah) |
| (v) | 5. dibuka | - terbuka (imbuan) |
| (vi) | 6. dipekasakan | - diperkasakan (ejaan) |

[Maksimum: 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.

Deskripsi	Markah
	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>gramatis</i>	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Nota Tambahan : (Calon Menyalin Bulat-Bulat Petikan Melayu Klasik)

- *Sekiranya calon menggugurkan semua perkataan '**maka** dan **pun**', kemudian menyalin ayat bulat-bulat; berikan **0 markah**.*

**** Murid **wajib** menukarkan sekurang-kurang satu perkataan '**maka**' kepada **lalu / kemudian** bagi mendapatkan **1 markah**.*

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Setelah / selepas empat puluh dua tahun Sutan Muzaffar Syah menaiki takhta / memerintah kerajaan, lalu / kemudian baginda mangkat. Lalu / kemudian Raja Abdullah telah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelaran baginda sebagai pemerintah kerajaan Sultan Mahsur Shah, umur baginda tatkala / sewaktu / semasa / menaiki takhta kerajaan itu dua puluh tujuh tahun.

Kemudian Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan mempunyai seorang anak dengan / bersama gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal. Sememangnya / sesungguhnya / sebenarnya Sultan Mansur Syah, terlalu / sangat / sungguh / amat baik parasnya / tampan / kacak serta dengan adilnya lagi pemurah; seorang pun raja-raja di seluruh dunia ini tidak sepertinya / setandingnya pada zaman / masa itu.

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Tiga peribahasa yang sesuai

- | | |
|---|---|
| (i) Curi tulang /
gaji buta | 2 |
| (ii) Seperti melepaskan batuk di tangga /
Seperti melepaskan batok di tangga | 2 |
| (iii) Anak emas | 2 |
| (iv) Harapkan pagar, pagar makan padi /
Harapkan pegar, pegar makan padi | 2 |
| (v) Nila setitik rosak susu sebelanga | 2 |

[Maksimum: 6 markah]



BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6: **13** markah

Soalan 7: **12** markah

Soalan 8: **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud	Markah
- sepadan / sesuai bersahabat	2
- sependan / sesuai <i>berkawan</i>	1
- <i>serasi</i> bersahabat	1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Kepentingan-kepentingan

Bahan 1

- P1 pihak sekolah perlu terus menyuburkan penerapan nilai kemampanan kesejahteraan serta sifat hormat-menghormati dalam persekitaran pendidikan
- P2 Kementerian Pendidikan Malaysia wajar memperkasakan kembali penubuhan Sekolah Wawasan
- P3 Penggunaan bahasa kebangsaan secara menyeluruh dalam kalangan warga sekolah

Bahan 2

- P4 Menyebarkan kandungan positif di dalam media sosial
- P5 Menghargai kepelbagaian budaya
- P6 Menanam Nilai Kasih Sayang dan Empati

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Kepentingan perpaduan dalam membentuk sebuah negara yang maju

- P1 Menjamin kestabilan pentadbiran / politik negara
- P2 Meningkatkan ekonomi negara
- P3 Memelihara keselamatan / kedaulatan negara
- P4 Meningkatkan imej negara
- P5 Memupuk keharmonian masyarakat dalam negara
- P6 Mengelakkan pembaziran sumber negara
- P7 Memajukan sektor-sektor dalam negara (pendidikan / pekerjaan / teknologi)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Langkah-langkah

- P1 melaporkan / membuat aduan kepada pihak berkuasa (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) / pihak polis)
- P2 memaklumkan kepada ibu bapa
- P3 tidak menyebarkan mesej tersebut
- P4 menyimpan bahan bukti / membuat tangkapan skrin / tangkap layar mesej / butiran penghantar
- P5 menyekat nombor penghantar mesej tersebut di telefon bimbit
- P6 menasihati penghantar mesej secara berhemah
- P7 menasihati orang sekeliling / ahli keluarga / rakan-rakan / masyarakat tentang bahaya menyebarkan mesej yang menggugat perpaduan kaum

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7**Markah****(i) Tekad ‘saya’**

- memenuhi dahulu dada saya dengan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman di tanah desa halaman ini

2

(ii) Punca-punca**Bahan 1**

- P1 Warisan budaya sentiasa dimajukan / dimartabatkan / dilestari (Warisan budaya terus dijaya)
- P2 Bahasa menjadi asas kepada jiwa / semangat / jati diri sesebuah bangsa (Jiwa bangsa teras bahasa)

Bahan 2

- P3 khazanah warisan tinggalan bangsa
- P4 sebagai benteng ampuh daripada segala anasir dan gejala hitam
- P5 jika ingin terus dihormati dan disegani

Bahan 3

- P6 Kita sudah merdeka selama 30 tahun
- P7 bahasa kebangsaan kita di dalam mahkamah yang mulia

[Maksimum : 4 markah]**[Isi cukup : 3 isi]****(iii) Faktor-faktor**

- P1 Penggunaan bahasa / perkataan sastera yang susah / sukar difahami
- P2 Kurang galakan / didikan daripada ibu bapa terhadap bahan bacaan sastera
- P3 Persaingan dengan media digital dan hiburan
- P4 Harga buku / bahan sastera yang mahal
- P5 Kekurangan bahan bacaan berunsurkan sastera
- P6 Kekurangan program / kempen berkaitan kesusasteraan
- P7 Kurangnya ruang karya sastera (media sosial / media cetak)

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]**

(iv) Perubahan-perubahan

- P1 Memperbanyak bahan bacaan bahasa Melayu seperti novel, cerpen, komik ilmiah, majalah dan buku motivasi yang menarik di Pusat Sumber Sekolah (PSS) / perpustakaan sekolah.
- P2 Mewujudkan sudut khas bahasa Melayu yang dihiasi dengan peribahasa, pantun, sajak dan kata-kata hikmat di PSS / perpustakaan sekolah.
- P3 Mengadakan pertandingan bahasa seperti pidato, syarahan, deklamasi sajak, bercerita dan kuiz tatabahasa di PSS / perpustakaan sekolah.
- P4 Memberikan penghargaan kepada murid yang aktif membaca bahan bahasa Melayu di PSS / perpustakaan sekolah.
- P5 Menghias PSS / perpustakaan sekolah dengan poster dan hiasan yang berkaitan dengan bahasa Melayu dan sastera.
- P6 Memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan sopan pada papan tanda, pengumuman dan urusan di PSS / perpustakaan sekolah.
- P7 Menyediakan ruang bacaan yang selesa dan ceria supaya murid lebih gemar mengunjungi PSS / perpustakaan sekolah.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

Markah

(i) **Reaksi-reaksi datuk ketika dia tidak tenteram**

- P1 Dia menyudahkan bacaan dengan cepat, cuma dua halaman
- P2 dia menutup kitab kecil itu dan meletaknya di dada
- P3 Matanya dipejam
- P4 ombak nafas melalui dadanya yang bergetar kencang
- P5 deru nafasnya yang satu-satu dilepas

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8(ii)

(ii) **Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dikaji.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** (peristiwa) yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap/ jelas bagi setiap isi (peristiwa).
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah,
- (g) Markah diberi secara gambaran menyeluruh
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (j) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- (k) Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum: 6 markah]

Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, kemukakan **satu** peristiwa cabaran dalam kehidupan yang boleh dijadikan teladan kepada pembaca

[6 markah]

(a) Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Lili diculik oleh Rafik dan Haziq ketika dalam perjalanan pulang ke rumah datuknya.

Huraian : Kita mestilah tenang menghadapi situasi cemas agar dapat bertindak dengan rasional.

2. Peristiwa keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh Seman terhadap Che Jah dan anak-anaknya.

Huraian : Kita hendaklah prihatin terhadap nasib orang lain yang menjadi mangsa kezaliman.

3. Peristiwa isu pemasangan kubah surau yang menyebabkan perselisihan faham antara golongan muda dan tua di kampung.

Huraian : Kita mestilah mengamalkan sikap bermuafakat dalam menyelesaikan masalah masyarakat

4. Peristiwa kepercayaan karut penduduk kampung yang menganggap penyakit adalah disebabkan gangguan syaitan dan bukannya masalah kesihatan.

Huraian : Kita hendaklah berfikiran logik dan saintifik dalam mencari punca sesuatu masalah.

5. Peristiwa masalah sosial remaja (Haziq dan Rafik) yang terjebak dengan penagihan dadah akibat kurang kasih sayang keluarga.

Huraian : Kita perlulah memberikan bimbingan dan kasih sayang kepada remaja agar mereka tidak tersalah jalan.

Nota : Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

(b) Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa ayah Dahlia (Embong) dipatuk ular menyebabkan punca rezeki keluarga terputus sementara.

Huraian : Kita perlulah bekerja keras dan tidak berputus asa walaupun ditimpa pelbagai musibah.

2. Peristiwa Nek Kiah mahu menjual tanah rumah Dahlia kerana dia tidak menyukai menantunya, Embong.

Huraian : Kita mestilah menghargai ikatan kekeluargaan dan tidak mementingkan wang ringgit.

3. Peristiwa hinaan dan fitnah Aton yang menuduh Dahlia sebagai punca kematian anaknya, Said yang lemas.

Huraian : Kita hendaklah bersabar menghadapi fitnah dan tidak membalas kejahatan dengan kejahatan.

4. Peristiwa rumah Dahlia yang telah hanyut dibawa arus deras ketika banjir melanda kampung mereka.

Huraian : Kita mestilah tabah menghadapi ujian kerana setiap ujian mempunyai hikmah yang tersembunyi.

5. Peristiwa Dahlia tetap mengulang kaji pelajaran meskipun perlu menjaga adik-adik, melakukan kerja rumah dan menjaga ibunya di hospital

Huraian : Kita hendaklah bijak menguruskan masa untuk mengimbangi antara komitmen dalam keluarga dan tanggungjawab dalam pelajaran.

6. Peristiwa Dahlia mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan STPM di pusat pemindahan banjir setelah rumahnya dilanda banjir besar walaupun keadaan di pusat pemindahan banjir itu sangat sesak dan bising.

Huraian : Kita hendaklah menghargai masa dan mencari peluang untuk berjaya dalam apa-apa jua keadaan.

Nota : Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi – 20 markah
- (b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- tarikh
- gelaran
- nama khas
- penanda wacana
- peribahasa / pantun
- perkataan berganda
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- penggunaan kata depa *di* dan *ke* **tidak dikira** sebagai satu perkataan

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima	Markah Maksimum
i. Pendahuluan			2
ii. Fokus 1 (kebaikan / kepentingan / kelebihan / manfaat / faedah)			16
Bahan 1	4	4 4 4 3 3 3 2 2 1	
Bahan 2	2	2 1 1 2 2 1 2 2 2	
iii. Fokus2 (cabaran / (kekangan / halangan / masalah)			
Bahan 1	3	1 2 1 1 2 3 2 3 3	
Bahan 3	2	1 1 2 2 1 1 2 1 2	
Jumlah Isi	11	8 8 8 8 8 8 8 8 8	
iv. Penutup / kesimpulan			2
Jumlah markah			20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk point / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Markah **isi** merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- (iii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iv) Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (v) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (vi) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- (vii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (viii) Isi diberi markah seperti biasa walupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (ix) Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum : 10 markah]**Pendahuluan [2 markah]****Markah**

P1	... kebaikan / kepentingan / kelebihan / manfaat / faedah Kecerdasan Buatan / AI dan cabaran / kekangan / halangan / masalah pelaksanaan / penggunaan Kecerdasan Buatan / AI	2
P2	... kebaikan / kepentingan / kelebihan / manfaat / faedah Kecerdasan Buatan / AI	1
P3	... cabaran / kekangan / halangan / masalah pelaksanaan / penggunaan Kecerdasan Buatan / AI	1

Isi [16 markah]

**FOKUS 1 : kebaikan / kepentingan / kelebihan / manfaat / faedah
Kecerdasan Buatan / AI**

Bahan 1

A1	meningkatkan kualiti pendidikan melalui pemupukan kemahiran pembelajaran abad ke-21	2
A2	meningkatkan kecekapan pelaksanaan tugas pentadbiran berkaitan pengurusan warga sekolah	2
A3	menyokong pembelajaran adaptif bagi menyediakan pengajaran yang lebih efektif mengikut tahap keupayaan setiap pelajar	2
A4	meningkatkan kemahiran berfikir kepada pelajar menerusi pendedahan kepada pembelajaran mesin	2

Bahan 2:

B1	Teknologi dapat menyelesaikan masalah (Teknologi ini selesaikan masalah)	2
B2	Menjimatkan masa menuntut / mencari ilmu (Jimat masa menuntut ilmu)	2

**FOKUS 2 : cabaran / kekangan / halangan / masalah pelaksanaan / penggunaan
Kecerdasan Buatan / AI**

Bahan 1:

C1	kekurangan infrastruktur teknologi yang canggih	2
C2	isu jurang kemudahan digital yang ketara antara pelajar di kawasan bandar dengan luar bandar.	2
C3	meningkatkan risiko kebocoran data dan maklumat pelajar	2

Bahan 3:

D1	Kekurangan tenaga pakar dalam bidang pembelajaran mesin dan analitik data	2
D2	Kos pembangunan dan penyelenggaraan teknologi yang tinggi.	2

Kesimpulan [2 markah]

	Markah
K1 Kesimpulannya, Kecerdasan Buatan / AI perlulah diperkasakan agar negara berkembang maju dalam bidang pendidikan	2
K2 Kesimpulannya, Kecerdasan Buatan / AI perlulah diperkasakan	1

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT